



Bank Islam Malaysia Berhad 198301002944 (98127 – X)
Berkuat kuasa 09 September 2025

Terma & Syarat untuk Penggunaan Kad-i Bank Islam dalam Dompot Digital Pihak Ketiga

Terma dan Syarat berikut ("Terma dan Syarat") mengawal penggunaan Kad Layak yang dikeluarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB") dalam Dompot Digital Pihak Ketiga. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat Perjanjian Berkaitan. Sila pastikan anda membaca dan memahami Terma dan Syarat ini, Perjanjian Berkaitan serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh Penyedia Dompot Digital yang berkenaan sebelum menerimanya. Sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam Terma dan Syarat ini, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan BIMB atau mengunjungi mana-mana cawangan BIMB.

Anda dinasihatkan supaya membaca dan memahami Terma dan Syarat yang dinyatakan sebelum melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan dan/atau mengambil bahagian dalam kempen serta promosi oleh BIMB.

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut membawa maksud seperti yang dinyatakan:

"Perjanjian Berkaitan" bermaksud dokumen-dokumen berikut yang hendaklah dibaca bersama oleh Pemegang Kad berhubung dengan terma-terma yang terpakai ke atas Kad Layak bersama BIMB:

- a) Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Islam
- b) Terma dan Syarat Kad Debit-i Bank Islam

"ATM" bermaksud Mesin Juruwang Automatik atau mesin kad yang menerima Kad tetapi tidak terhad kepada mesin milik Bank atau milik rangkaian ATM Visa/Mastercard.

"Pengenalan Biometrik" bermaksud sistem pengecaman wajah atau penderia cap jari yang digunakan untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad bagi transaksi yang dilakukan melalui penggunaan Dompot Digital.

"Pemegang Kad" bermaksud seseorang yang mana Kad Layak dikeluarkan kepadanya sebagai pengguna yang dibenarkan dan "Pemegang Kad" hendaklah ditafsirkan sedemikian.

"Akaun Kad" bermaksud akaun yang dikendalikan oleh BIMB atas nama Pemegang Kad berhubung dengan Kad Layak, yang merangkumi:

- (a) bagi Kad Kredit-i – akaun margin yang dikendalikan oleh BIMB yang mencatatkan semua transaksi, caj, dan pembayaran di bawah kemudahan kredit; dan
- (b) bagi Kad Debit-i – akaun semasa, akaun simpanan dan/atau akaun pelaburan transaksi yang dibuka atas nama Pemegang Kad dengan BIMB yang dipautkan dengan Kad Debit-i.

"Peranti Serasi" bermaksud sebarang peranti elektronik termasuk jam pintar dan telefon pintar yang mempunyai fungsi Dompot Digital yang boleh menyokong pendaftaran Kad Layak ke dalam Dompot Digital (akan dikemas kini dari semasa ke semasa di laman web BIMB).

"Dompot Digital" bermaksud perisian, peranti elektronik, atau perkhidmatan dalam talian yang membolehkan Pemegang Kad mendaftar Kad Layak untuk membuat transaksi melalui Peranti Serasi tanpa menggunakan kad fizikal.

"Penyedia Dompot Digital" bermaksud pemilik Dompot Digital (Rujuk laman web BIMB untuk senarai terkini Penyedia Dompot Digital).

"Kad Layak" atau "Kad-i Bank Islam" bermaksud senarai Kad Debit-i Bank Islam dan Kad Kredit-i Bank Islam yang dibenarkan untuk ditambah ke dalam Dompot Digital (akan dikemas kini dari semasa ke semasa di laman web BIMB).

"Kod Laluan" bermaksud kata laluan, ID log masuk atau Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) yang ditetapkan oleh Pemegang Kad untuk tujuan pengenalan dan pengesahan apabila mengakses/mengaktifkan Dompot Digital.



Bank Islam Malaysia Berhad 198301002944 (98127 – X)
Berkuat kuasa 09 September 2025

Terma & Syarat untuk Penggunaan Kad-i Bank Islam dalam Dompot Digital Pihak Ketiga

“Transaksi” bermaksud sebarang transaksi fizikal dan dalam talian yang dilakukan melalui penggunaan Dompot Digital.

2. PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

- 2.1 Dengan mendaftarkan Kad Layak dengan Penyedia Dompot Digital, Pemegang Kad bersetuju untuk membenarkan BIMB menghantar Kata Laluan Sekali (OTP) melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) bagi tujuan pengesahan. Sekiranya Pemegang Kad tidak menerima OTP tersebut, mereka boleh menghubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26900900 untuk bantuan lanjut.
- 2.2 Pemegang Kad layak untuk menambah Kad Layak ke dalam Dompot Digital sekiranya Akaun Kad berkenaan adalah aktif dan dikendalikan dengan baik, serta tidak disekat, dibatalkan atau ditamatkan oleh BIMB.
- 2.3 Pemegang Kad boleh merujuk kepada arahan yang dinyatakan oleh Penyedia Dompot Digital untuk mendaftar Kad Layak ke dalam Peranti Serasi. Pemegang Kad mengakui bahawa Penyedia Dompot Digital mempunyai hak untuk menolak pendaftaran mana-mana Kad Layak ke dalam Dompot Digital, menggantung, memadam atau mengaktifkan semula Kad Layak. BIMB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad gagal menambah Kad Layak.
- 2.4 Dengan berjaya menambahkan satu Kad Layak, Kad Layak lain yang dimiliki Pemegang Kad tidak akan ditambah secara automatik ke dalam Dompot Digital.
- 2.5 Penyedia Dompot Digital boleh menghadkan bilangan maksimum Kad Layak yang boleh ditambah oleh Pemegang Kad ke dalam satu Peranti Serasi.
- 2.6 Bagi peranti yang tidak lagi digunakan, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memadam mana-mana Kad Layak yang telah ditambah ke dalam Dompot Digital. BIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penggunaan tanpa kebenaran sekiranya Pemegang Kad gagal memadam Kad Layak tersebut.
- 2.7 Pemegang Kad mengakui dan menerima risiko bahawa dengan mengaktifkan Dompot Digital, transaksi tanpa sentuhan tanpa kebenaran mungkin berlaku melalui penggunaan Pengenalan Biometrik atau Kod Laluan mereka. Pemegang Kad dinasihatkan untuk memastikan keselamatan Peranti Serasi yang digunakan bagi tujuan Dompot Digital.



Bank Islam Malaysia Berhad 198301002944 (98127 – X)
Berkuat kuasa 09 September 2025

Terma & Syarat untuk Penggunaan Kad-i Bank Islam dalam Dompot Digital Pihak Ketiga

3. PENGGUNAAN DOMPET DIGITAL

- 3.1 Pemegang Kad Utama hendaklah bertanggungjawab kepada BIMB atas semua transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Layak dalam Dompot Digital, sama ada oleh Pemegang Kad Utama atau Pemegang Kad Tambahan.
- 3.2 Pemegang Kad boleh melaksanakan transaksi tanpa sentuh atau e-dagang di tempat yang menerima Dompot Digital sebagai kaedah pembayaran. Bagi transaksi yang melebihi RM250, pelanggan dikehendaki mengesahkan transaksi dengan memasukkan Kod Laluan.
- 3.3 Pemegang Kad tidak dibenarkan menggunakan versi digital Kad Layak yang telah ditambah ke dalam Dompot Digital untuk tujuan pengeluaran tunai atau pendahuluan tunai.
- 3.4 Kedua-dua versi digital dan fizikal Kad Layak berkongsi akaun kad, had pembiayaan kad dan penyata yang sama.
- 3.5 Transaksi yang dilakukan melalui Dompot Digital akan direkodkan dalam penyata Kad Kredit-i Bank Islam atau penyata akaun bagi Kad Debit-i Bank Islam yang dipautkan. Transaksi yang disenaraikan mungkin tidak menggambarkan transaksi akhir seperti transaksi pra-kelulusan, contohnya transaksi di pam layan diri (pengepam bahan api automatik) di stesen minyak atau di hotel.

4. AKU JANJI OLEH PEMEGANG KAD

Pemegang Kad bersetuju dengan BIMB seperti berikut:

- a) bahawa hanya Pemegang Kad berhak untuk melakukan transaksi melalui Dompot Digital dan tiada individu lain yang dibenarkan untuk mengakses dan menggunakan Dompot Digital bagi melaksanakan sebarang transaksi;
- b) memaklumkan kepada BIMB dengan segera mengenai sebarang perubahan kepada maklumat Pemegang Kad yang telah diberikan kepada Bank Islam semasa permohonan kad, serta memberikan maklumat lain yang mungkin diminta oleh BIMB dari semasa ke semasa;
- c) mematuhi Terma dan Syarat yang ditetapkan ini (yang boleh dipinda oleh BIMB dari semasa ke semasa dengan notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad beserta alasan-alasan bagi pindaan tersebut) serta segala syarat lain yang dikenakan oleh BIMB dari semasa ke semasa berkaitan penggunaan Kad Layak;
- d) tidak menggunakan Kad Layak untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbankan dalam talian yang haram, pertaruhan atau perjudian, atau di pedagang tidak patuh Syariah seperti yang dikategorikan di bawah Kod Kategori Pedagang (MCC) yang dinyatakan secara khusus dalam Perjanjian Berkaitan. BIMB berhak untuk menamatkan Kad Layak serta-merta sekiranya disyaki digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang atau di pedagang tidak patuh Syariah;
- e) memastikan bahawa semua Transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Layak bukan hasil daripada sumber yang menyalahi undang-undang dan tidak berkaitan dengan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;



Bank Islam Malaysia Berhad 198301002944 (98127 – X)
Berkuat kuasa 09 September 2025

Terma & Syarat untuk Penggunaan Kad-i Bank Islam dalam Dompot Digital Pihak Ketiga

- f) untuk memaklumkan kepada BIMB secepat mungkin selepas menyedari bahawa Peranti Serasi atau Kad Layak telah hilang, dicuri, terdapat Transaksi tanpa kebenaran atau Kod Laluan mungkin telah terdedah;
- g) memaklumkan kepada BIMB dengan segera apabila menerima SMS, paparan notifikasi (*push notification*), atau sebarang saluran lain berkaitan makluman transaksi, sekiranya Transaksi tersebut tidak dibenarkan;
- h) mengambil langkah yang wajar untuk memastikan keselamatan Kad Layak dan butiran keselamatan berkaitan Dompot Digital dan Peranti Serasi pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
 - i. mendedahkan butiran Kad Layak atau Kod Laluan kepada mana-mana individu lain;
 - ii. menambah data biometrik orang lain termasuk pengecaman wajah atau cap jari ke dalam Peranti Serasi;
 - iii. menggunakan Kod Laluan yang berdasarkan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Pemegang Kad;
 - iv. melancarkan Dompot Digital menggunakan aplikasi cetak rompak atau tidak sah atau peranti yang telah diubah suai atau dipasang perisian yang tidak sah;
 - v. membenarkan individu lain menggunakan Dompot Digital.
- i) mengeluarkan Kad Layak daripada Peranti Serasi sebelum melupuskan Peranti Serasi tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada menjual atau memberikannya kepada orang lain);
- j) mengeluarkan Kad Layak daripada Peranti Serasi setelah penamatan penggunaan Dompot Digital atau Kad Layak;
- k) menggunakan Kad Layak hanya untuk tujuan yang patuh Syariah dan bagi pembelian barangan serta perkhidmatan yang patuh Syariah di perniagaan atau premis yang mematuhi Syariah.

5. PENARIKAN BALIK/PENGGANTUNGAN PENGGUNAAN KAD LAYAK

- 5.1 Semua Kad Layak adalah hak milik BIMB dan BIMB berhak untuk menarik balik atau menggantung penggunaan Kad Layak dengan memberikan notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar dan menyatakan sebab-sebab penarikan balik atau penggantungan tersebut dalam notis berkenaan, kecuali dalam situasi yang melibatkan penipuan, di mana BIMB berhak pada bila-bila masa untuk menyekat sebarang pembayaran dan/atau transaksi dan/atau menggantung penggunaan Kad Layak, Akaun Kad dan/atau mana-mana perkhidmatan berkaitan dengan serta-merta.
- 5.2 Pemegang Kad bersetuju bahawa BIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, perbelanjaan atau tuntutan yang ditanggung oleh atau dikenakan terhadap Pemegang Kad akibat daripada tindakan BIMB melaksanakan haknya di bawah Klausula 5 ini yang berpunca daripada tindakan, kelalaian, keingkaran, kecuaihan dan/atau salah laku Pemegang Kad.

6. PENAFIAN

- 6.1 BIMB bukan merupakan penyedia Dompot Digital dan menafikan sebarang jaminan berkenaan penggunaan Dompot Digital. BIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau ketidakupayaan untuk melaksanakan sebarang transaksi melalui Dompot Digital termasuk tetapi



Bank Islam Malaysia Berhad 198301002944 (98127 – X)
Berkuat kuasa 09 September 2025

Terma & Syarat untuk Penggunaan Kad-i Bank Islam dalam Dompot Digital Pihak Ketiga

tidak terhad kepada serangan siber terhadap Dompot Digital. BIMB juga tidak akan bertanggungjawab terhadap prestasi Penyedia Dompot Digital atau mana-mana pihak ketiga lain yang mungkin memberi kesan kepada penggunaan Dompot Digital.

- 6.2 Pemegang Kad mengakui bahawa BIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan dan/atau pertikaian atau prosiding undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung akibat daripada sambungan internet yang lemah atau liputan rangkaian yang tidak memuaskan semasa proses pendaftaran dan penggunaan Dompot Digital.

7. PRIVASI DAN PERKONGSIAN DATA

Dengan menambah dan menggunakan Kad Layak dalam Dompot Digital, Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa maklumat tertentu mengenai Kad Layak akan dihantar dan disimpan dalam Peranti Serasi. BIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap privasi dan keselamatan data peribadi serta maklumat yang dikongsi oleh Pemegang Kad kepada Penyedia Dompot Digital dan/atau pihak ketiga yang bekerjasama dengan Penyedia Dompot Digital.

8. PIHAK KETIGA

Pemegang Kad mungkin tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang ditetapkan oleh Penyedia Dompot Digital dan pihak ketiganya yang berkaitan. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab untuk memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat berkenaan yang berkaitan dengan Penyedia Dompot Digital dan pihak ketiganya. BIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang terma dan syarat yang dipersetujui oleh Pemegang Kad bersama Penyedia Dompot Digital dan/atau pihak ketiga yang berkaitan.



Bank Islam Malaysia Berhad 198301002944 (98127 – X)
Berkuat kuasa 09 September 2025

Terma & Syarat untuk Penggunaan Kad-i Bank Islam dalam Dompot Digital Pihak Ketiga

9. TANGGUNGJAWAB KE ATAS TRANSAKSI TANPA KEBENARAN

- 9.1 Pemegang Kad mestilah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan, kecurian dan salah letak Kad Layak serta Peranti Serasi, dan bertanggungjawab untuk tidak membenarkan mana-mana pihak ketiga menggunakan Kad Layak dan Peranti Serasi tersebut.
- 9.2 Pemegang Kad boleh menghubungi [Pusat Panggilan BIMB](#) di talian 03-26900900 atau mengunjungi mana-mana cawangan BIMB yang terdekat sekiranya mempunyai sebarang kebimbangan atau ingin membuat permintaan untuk semakan semula sekiranya berlaku sebarang pertikaian.
- 9.3 Pemegang Kad akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang transaksi tanpa kebenaran sekiranya mereka:
 - a) melakukan tindakan penipuan;
 - b) lewat memaklumkan kepada BIMB selepas menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Dompot Digital ;
 - c) secara sukarela mendedahkan Kod Laluan kepada individu lain;
 - d) secara sukarela menambah maklumat biometrik orang lain termasuk cap jari atau pengecaman wajah;
 - e) meninggalkan Kad Layak atau Peranti Serasi tanpa pengawasan di tempat yang mudah dilihat dan diakses oleh pihak lain, kecuali di tempat kediaman Pemegang Kad. Walau bagaimanapun, Pemegang Kad tetap bertanggungjawab untuk mengambil langkah berjaga-jaga walaupun di tempat kediaman sendiri; atau
 - f) secara sukarela membenarkan individu lain menggunakan Dompot Digital.
- 9.4 Melainkan terdapat kesilapan nyata, keputusan BIMB berkenaan tanggungjawab Pemegang Kad dalam kes kehilangan, kecurian atau salah letak Kad Layak atau Peranti Serasi, atau apabila Kod Laluan atau data biometrik telah didedahkan, ditambah atau dikompromi, hendaklah dianggap muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Pemegang Kad.

10. PELBAGAI

- 10.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini dianggap tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan, peruntukan-peruntukan lain akan terus berkuat kuasa sepenuhnya.
- 10.2 BIMB berhak untuk meminda atau mengubah mana-mana terma dan/atau syarat dalam Terma dan Syarat ini, tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah, dengan memberikan notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad. Sebarang pindaan atau perubahan tersebut akan mempunyai kesan yang sama seperti mana-mana peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini dan tidak boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan hak BIMB untuk membuat pindaan. Notis mengenai pindaan atau perubahan ini boleh dibuat melalui:
 - a) paparan di premis BIMB atau mana-mana cawangannya, atau dengan menghantar notis tersebut kepada Pemegang Kad; atau
 - b) melalui sistem pesanan ringkas (SMS), e-mel atau dengan memaparkan notis tersebut di laman web BIMB di www.bankislam.com.
- 10.3 Sekiranya Pemegang Kad tidak bersetuju dengan mana-mana pindaan tersebut, Pemegang Kad boleh menamatkan penggunaan Kad Layak mengikut Klausula 5.



Bank Islam Malaysia Berhad 198301002944 (98127 – X)
Berkuat kuasa 09 September 2025

Terma & Syarat untuk Penggunaan Kad-i Bank Islam dalam Dompot Digital Pihak Ketiga

- 10.4 Terma dan Syarat ini (dan semua terma dan syarat yang terbentuk berdasarkan dokumen ini) adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.
- 10.5 Masa adalah penting dalam pelaksanaan hak dan tanggungjawab di bawah Terma dan Syarat ini, namun sebarang kegagalan atau kelewatan oleh BIMB dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan tidak akan dianggap sebagai penepian hak tersebut. Hak dan remedi yang dinyatakan di sini adalah bersifat kumulatif dan tidak menjejaskan hak atau remedi lain yang disediakan oleh undang-undang.
- 10.6 Tanggungjawab Pemegang Kad adalah mengikat ke atas wakil undang-undang, waris, dan penerima serah hak yang dibenarkan oleh Pemegang Kad.
- 10.7 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dan sebagai tambahan kepada semua terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam Perjanjian Berkaitan.
- 10.8 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian Berkaitan berkaitan Kad Layak, Terma dan Syarat ini akan mengatasi setakat mana yang berkaitan dengan penggunaan Dompot Digital.

11. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

Pemegang Kad dan BIMB hendaklah mematuhi semua undang-undang yang terpakai, termasuk undang-undang anti-rasuah dan anti-penyuapan di peringkat tempatan dan antarabangsa, termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (MACCA), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) serta undang-undang berkaitan, dan tidak boleh membenarkan, menawarkan, menjanjikan atau membuat (secara langsung atau tidak langsung) sebarang pembayaran, sogokan, kelebihan, perkhidmatan, bantuan atau apa-apa perkara lain yang bernilai bagi tujuan dorongan atau ganjaran, atau terlibat dalam mana-mana amalan tidak wajar atau tidak beretika yang seumpamanya.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]